



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM.600-1/4/20 JLD.7 (24)

Tarikh : 29 April 2026

Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Institut Kanser Negara

Pengarah Pusat Darah Negara

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 13 /2026 :
PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGELUARAN PERAKUAN
DAN PENGESAHAN PENGAMAL PERUBATAN BAGI TUJUAN
KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD (CTR) KELOMPOK – MENJAGA
AHLI KELUARGA SAKIT**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), Kerajaan telah menambah baik kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok dengan memperuntukkan kemudahan tersebut kepada penjawat awam bagi menjaga ahli keluarga sakit yang memerlukan bantuan dan penjagaan rapi.

- 1.2 Susulan pelaksanaan kemudahan tersebut, didapati fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan pelbagai bentuk dokumen pengesahan seperti surat, memo dan borang terbitan sendiri bagi tujuan permohonan kemudahan berkenaan, yang berbeza dari segi format serta kandungan. Keadaan ini telah menimbulkan ketidak seragaman dalam pelaksanaan di lapangan.
- 1.3 Selain itu, KKM juga telah menerima pelbagai pertanyaan daripada kakitangan termasuk penjawat awam daripada kementerian/agensi lain yang memerlukan kemudahan CTR Kelompok – Menjaga Ahli Keluarga Sakit ini, berhubung bentuk pengesahan sebenar yang perlu dikeluarkan oleh pengamal perubatan bagi menyokong permohonan mereka.
- 1.4 Selaras dengan peruntukan tersebut, KKM telah menyediakan **Garis Panduan Pengeluaran Perakuan dan Pengesahan Pengamal Perubatan Bagi Tujuan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok – Menjaga Ahli Keluarga Sakit**. Garis panduan penuh beserta Format Borang Perakuan Dan Pengesahan Pesakit Memerlukan Bantuan Dan Penjagaan Rapi Oleh Waris dilampirkan bersama surat ini untuk rujukan semua pihak.

2. TUJUAN

Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk:

- 2.1) Menyeragamkan tatacara pengeluaran pengesahan oleh Pengamal Perubatan bagi tujuan permohonan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok – Menjaga Ahli Keluarga Sakit oleh penjawat awam;
- 2.2) Memberi panduan kepada Pengamal Perubatan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membuat pengesahan bahawa pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi;
- 2.3) Memastikan pengesahan yang dikeluarkan adalah sah, telus, konsisten dan mematuhi peruntukan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa; dan

- 2.4) Memudahkan pesakit dan waris dalam mendapatkan dokumen pengesahan yang diperlukan bagi tujuan permohonan CTR Kelompok.

3. PEMATUHAN

Sehubungan itu, semua Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian (Pakar / bukan Pakar) di fasiliti KKM hendaklah mematuhi tatacara berikut:

- 3.1) Penilaian Klinikal: Pengesahan mestilah berasaskan penilaian klinikal dan rekod rawatan semasa pesakit.
- 3.2) Penggunaan Borang: Menggunakan Borang Pengesahan Pesakit Memerlukan Bantuan dan Penjagaan Rapi (CTRK-MAKS) seperti dalam lampiran garis panduan.
- 3.3) Salinan Rekod: Borang hendaklah diisi dalam dua (2) salinan; satu untuk pemohon dan satu untuk simpanan fasiliti kesihatan selama dua (2) tahun.
- 3.4) Kriteria Kelayakan: Mempertimbangkan (berdasarkan penilaian klinikal semasa) keadaan pesakit seperti keperluan bantuan Aktiviti Harian Asas (ADL), penyakit kronik dengan komplikasi, tempoh pemulihan pembedahan, atau penyakit akut yang memerlukan pemantauan langsung.

4. TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Pihak Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah Hospital, dan Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua Pengamal Perubatan di bawah seliaan masing-masing.
- 4.2 Menjadi tanggungjawab profesional semua Pengamal Perubatan bagi memastikan pengesahan dibuat secara beretika dan berintegriti.
- 4.3 Perlu ditegaskan bahawa pengeluaran pengesahan ini adalah bagi tujuan permohonan CTR Kelompok - Menjaga Ahli Keluarga Sakit sahaja, dan bukan sebagai jaminan kelulusan cuti, yang mana ia tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan pemohon.

Pengesahan ini juga tidak boleh digunakan bagi tujuan tuntutan kewangan, insurans, atau urusan pentadbiran lain.

5. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini hendaklah dilaksanakan dan berkuat kuasa di semua fasiliti kesihatan KKM dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh surat pekeliling ini. Pengesahan yang telah dikeluarkan sebelum tempoh kuatkuasa dengan borang/ surat sedia ada adalah sah dan tidak perlu diperbaharui, melainkan pemohon ingin memohon cuti yang baharu.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan arahan ini hendaklah dikemukakan kepada;

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4-7, Blok E1, Kompleks E
62590 Putrajaya
No Telefon: 03-88831178
(u.p: Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital)

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR MAHATHAR BIN ABD WAHAB)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan
Sokongan Klinikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti
Makanan)

GARIS PANDUAN PENGELUARAN PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENGAMAL PERUBATAN BAGI TUJUAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK – MENJAGA AHLI KELUARGA SAKIT

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan:

- (a) Menyeragamkan tatacara pengeluaran pengesahan oleh Pengamal Perubatan bagi tujuan permohonan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok – Menjaga Ahli Keluarga Sakit oleh penjawat awam;
- (b) Memberi panduan kepada Pengamal Perubatan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membuat pengesahan bahawa pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi;
- (c) Memastikan pengesahan yang dikeluarkan adalah sah, telus, konsisten dan mematuhi peruntukan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa; dan
- (d) Memudahkan pesakit dan waris dalam mendapatkan dokumen pengesahan yang diperlukan bagi tujuan permohonan CTR Kelompok.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah menambah baik

kemudahan CTR Kelompok dengan memperuntukkan kemudahan CTR Kelompok kepada penjawat awam bagi menjaga ahli keluarga sakit yang memerlukan bantuan dan penjagaan rapi.

2.2. Merujuk pekeliling tersebut, penjawat awam yang memohon CTR Kelompok - Menjaga Ahli Keluarga Sakit perlu mengemukakan:

- (a) Salinan sijil sakit atau perakuan sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta; dan
- (b) Pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan/ Swasta bahawa pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi.

Walaupun bagaimanapun, kemudahan ini tidak terpakai bagi tujuan menjaga anak yang menghidap penyakit berjangkit atau memerlukan **pengasingan** di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti) - Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan.

2.3. Pada masa ini, pihak hospital/ institusi perubatan khas/ klinik kesihatan/ klinik pergigian/ pusat pakar pergigian KKM mengeluarkan pelbagai bentuk pengesahan pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi kepada waris/pemohon; sebagai contoh borang pengesahan (terbitan dalaman) atau surat/memo dengan butiran yang berbeza.

2.4. Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk menyeragamkan tatacara pengesahan yang dibuat oleh Pengamal Perubatan di fasiliti kesihatan KKM untuk kemudahan pihak hospital/ institusi perubatan khas/ klinik kesihatan/ klinik pergigian/

pusat pakar pergigian KKM serta pesakit/waris yang memerlukannya.

3. SKOP

Garis panduan ini meliputi proses pengesahan bahawa pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi bagi tujuan CTR Kelompok sahaja dan terpakai kepada:

- (a) Semua fasiliti kesihatan KKM meliputi hospital/ institusi perubatan khas/ klinik kesihatan/ klinik pergigian/ pusat pakar pergigian;
- (b) Semua Pengamal Perubatan yang berdaftar dan berkhidmat di semua fasiliti kesihatan KKM;
- (c) Pengesahan dan perakuan ini hanya sah dikeluarkan kepada waris pesakit yang berstatus penjawat awam bagi maksud permohonan CTR Kelompok.

4. TAFSIRAN

4.1. CTR Kelompok- Menjaga Ahli Keluarga Sakit

Cuti Tanpa Rekod yang diperuntukkan kepada penjawat awam untuk menjaga ahli keluarga yang sakit dan memerlukan bantuan serta penjagaan rapi, tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

4.2. Pengamal Perubatan

Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian (Pakar/ Bukan Pakar) yang berdaftar dengan Malaysian Medical Council/ Malaysian Dental Council (MMC/ MDC) dan sedang berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM.

4.3. Ahli Keluarga (kepada pemohon)

Ahli keluarga terdekat merujuk kepada suami, isteri, anak-anak, ibu kandung, ibu angkat, ibu mertua, ibu tiri, bapa kandung, bapa angkat, bapa mertua, bapa tiri, datuk, nenek dan adik-beradik. Istilah anak termasuk anak kandung, anak tiri tanggungan, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto*, anak pelihara.

4.4. Bantuan dan Penjagaan Rapi

Keadaan pesakit yang memerlukan bantuan orang lain dalam aktiviti harian asas dan/atau pemantauan rapi berkaitan keadaan kesihatannya.

5. PRINSIP PENGELUARAN PENGESAHAN

5.1. Pengesahan yang dikeluarkan hendaklah:

- (a) Berasaskan penilaian klinikal oleh Pengamal Perubatan yang merawat pesakit;
- (b) Berdasarkan rekod rawatan dan/atau penilaian perubatan semasa pesakit;
- (c) Mematuhi prinsip kerahsiaan pesakit; dan
- (d) Digunakan hanya bagi tujuan permohonan CTR Kelompok sahaja.

5.2. Kakitangan selain Pengamal Perubatan tidak dibenarkan mengeluarkan pengesahan ini.

5.3. Menjadi tanggungjawab profesional bagi memastikan pengesahan dibuat secara beretika dan berintegriti.

6. TATACARA PERMOHONAN PENGESAHAN

- 6.1. Pesakit atau waris boleh memohon pengesahan daripada Pengamal Perubatan yang merawat pesakit di fasiliti kesihatan KKM.
- 6.2. Perakuan oleh Pengamal Perubatan boleh menggunakan Borang Pengesahan Pesakit Memerlukan Bantuan dan Penjagaan Rapi Bagi Tujuan Kemudahan CTR Kelompok – Menjaga Ahli Keluarga Sakit (CTRK-MAKS).
- 6.3. Borang tersebut mengandungi maklumat berikut:
 - (a) **Butir pesakit:** Nama, No. kad pengenalan/passport, No. pendaftaran/RN, tempat menerima rawatan, tarikh masuk wad/terima rawatan, tarikh discaj/tamat rawatan;
 - (b) **Perakuan Sakit dan Pengesahan Keperluan Penjagaan Pesakit:** Perakuan bahawa pesakit menerima rawatan, dan pengesahan oleh Pengamal Perubatan bahawa pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi serta tempoh anggaran penjagaan yang diperlukan sekiranya dibenarkan pulang; dan
 - (c) **Butir Pengamal Perubatan:** nama, jawatan, tandatangan dan cop rasmi serta tarikh pengeluaran pengesahan.
- 6.4. Pengamal Perubatan hendaklah:
 - (a) Menilai keadaan kesihatan pesakit berdasarkan pemeriksaan klinikal dan rekod rawatan;

- (b) Menentukan sama ada pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan rapi; dan
 - (c) Melengkapkan borang pengesahan sekiranya pesakit memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- 6.5. Pemohon hendaklah mengisi dua (2) salinan Borang Pengesahan Pesakit Memerlukan Bantuan dan Penjagaan Rapi Bagi Tujuan Kemudahan CTR Kelompok – Menjaga Ahli Keluarga Sakit (CTRK-MAKS):
- salinan waris/pemohon; dan
 - salinan fasiliti kesihatan KKM
- 6.6. Borang CTRK-MAKS yang telah lengkap (salinan waris/pemohon), hendaklah diserahkan kepada pesakit atau waris untuk dikemukakan kepada Penyelia/ Ketua Jabatan bagi tujuan permohonan CTRK.
- 6.7. Bagi fasiliti hospital/ institusi perubatan khas: Salinan fasiliti kesihatan KKM bagi Borang CTRK-MAKS hendaklah dihantar ke Jabatan/ Unit Rekod Perubatan dan disimpan selama 2 tahun untuk rujukan.
- 6.8. Bagi fasiliti klinik kesihatan/ klinik pergigian/ pusat pakar pergigian klinik kesihatan: Salinan fasiliti kesihatan KKM bagi Borang CTRK-MAKS hendaklah disimpan di ruang penyimpanan rekod pesakit atau bilik kad selama 2 tahun.

7. KRITERIA PESAKIT MEMERLUKAN PENJAGAAN RAPI

- 7.1. Pengamal Perubatan boleh mempertimbangkan pengeluaran perakuan bahawa pesakit memerlukan bantuan dan penjagaan oleh ahli keluarga sekiranya berdasarkan

penilaian klinikal pesakit didapati memerlukan sokongan penjagaan bagi aktiviti harian atau pemantauan kesihatan.

7.2. Antara keadaan pesakit yang boleh dipertimbangkan termasuklah:

- (a) Pesakit yang memerlukan bantuan dalam aktiviti asas harian (*Activities of Daily Living – ADL*) seperti makan, kebersihan diri, mobiliti atau pergerakan;
- (b) Pesakit yang memerlukan pemantauan atau bantuan fizikal;
- (c) Pesakit yang menghidap penyakit kronik dengan komplikasi yang memerlukan penjagaan oleh ahli keluarga;
- (d) Pesakit yang memerlukan penjagaan dalam tempoh pemulihan yang munasabah selepas menjalani prosedur atau pembedahan;
- (e) Pesakit yang memerlukan pemantauan pengambilan ubat secara berterusan / kemoterapi atau radioterapi;
- (f) Pesakit warga emas dengan ketidakupayaan fungsi yang memerlukan bantuan penjagaan; dan
- (g) Anak atau ahli keluarga kepada penjawat awam yang menghidap penyakit akut atau mengalami apa-apa masalah kesihatan yang memerlukan kehadiran, pemantauan atau penjagaan langsung oleh ibu bapa atau penjaga, walaupun keadaan tersebut bukan merupakan penyakit kronik.

7.3. Bagi maksud subperenggan 7.2(g), penyakit akut atau masalah kesihatan yang boleh dipertimbangkan termasuklah seperti demam denggi, cirit-birit atau gastroenteritis, jangkitan akut, demam berpanjangan, dehidrasi serta apa-apa keadaan lain yang pada penilaian

pengamal perubatan memerlukan penjagaan oleh ibu bapa atau mana-mana waris yang sah.

- 7.4. Senarai keadaan di perenggan 7.2 dan 7.3 adalah bersifat panduan dan tidak terhad kepada keadaan yang dinyatakan sahaja. Keputusan akhir berhubung keperluan pesakit untuk dibantu, dipantau atau dijaga oleh waris bagi tujuan CTR Kelompok adalah tertakluk kepada penilaian klinikal pengamal perubatan yang merawat.

8. TANGGUNGJAWAB

- 8.1. Pengarah Kesihatan Negeri/ Pengarah Hospital/ Ketua Jabatan/ Pegawai Perubatan Y/M / Pegawai Pergigian Y/M hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi oleh semua Pengamal Perubatan.
- 8.2 Pengamal Perubatan tidak digalakkan mengeluarkan pengesahan sekiranya permohonan dibuat tanpa kehadiran pesakit dan penilaian klinikal tidak dapat dibuat atau tanpa rekod/maklumat perubatan yang mencukupi.
- 8.3. Pengesahan ini tidak menjamin kelulusan CTR Kelompok. Keputusan kelulusan cuti adalah tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara Penyelia / Ketua Jabatan setelah mengambil kira kepentingan perkhidmatan.
- 8.4. Pengesahan ini tidak boleh digunakan bagi tujuan tuntutan kewangan atau insuran, kutipan derma, bantuan kewangan daripada mana-mana organisasi atau digunakan sebagai dokumen sokongan bagi urusan perpindahan dan urusan pentadbiran yang lain.

9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah

Bahagian Perkembangan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4-7, Blok E1, Kompleks E

62590 Putrajaya

No Telefon: 03- 8883 1178

(u/p: Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Nama Fasiliti Kesihatan KKM:

Salinan waris/pemohon
Salinan Fasiliti Kesihatan KKM **BORANG PERAKUAN DAN PENGESAHAN PESAKIT MEMERLUKAN BANTUAN DAN PENJAGAAN RAPI OLEH WARIS BAGI TUJUAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK – MENJAGA AHLI KELUARGA SAKIT****1. MAKLUMAT PESAKIT**

- (a) Nama Pesakit :
- (b) No. Kad Pengenalan/ Passport :
- (c) No Pendaftaran/ RN :
- (d) Wad/ Klinik/ Rawatan Harian :
- (e) Tarikh masuk wad/ terima rawatan :
- (f) Tarikh discaj/ tamat rawatan (jika berkaitan) :

2. PERAKUAN SAKIT DAN PENGESAHAN KEPERLUAN PENJAGAAN PESAKIT

Adalah ini disahkan bahawa pesakit seperti nama di atas telah hadir ke fasiliti ini bagi mendapatkan rawatan. Pesakit ini:
(Tandakan (/) pada kotak yang berkenaan)

Masih menerima rawatan di fasiliti kesihatan ini sehingga ke tarikh pengesahan ini dikeluarkan serta memerlukan bantuan dan penjagaan rapi oleh waris.

Pesakit ini telah dibenarkan pulang ke rumah pada tarikh
Namun, berdasarkan penilaian klinikal, pesakit masih memerlukan bantuan dan penjagaan rapi daripada waris di rumah selama(hari) bermula dari tarikh hingga ke tarikh

Tandatangan dan cop :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota:

- Borang ini hanya untuk kegunaan fasiliti kesihatan KKM sahaja
- Boleh digunakan untuk menjaga ahli keluarga yang sakit di mana-mana lokasi
- Tidak boleh digunakan untuk tujuan menjaga anak yang menghadapi penyakit-berjangkit atau memerlukan pengasingan di bawah peraturan SR5.4.4 (Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan)
- Keputusan kelulusan cuti dan penentuan bilangan hari cuti adalah tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara Penyelia / Ketua Jabatan setelah mengambil kira kepentingan perkhidmatan.
- Borang ini tidak boleh digunakan untuk tujuan tuntutan insuran, kutipan derma atau bantuan kewangan, dokumen sokongan bagi urusan mahkamah atau apa-apa urusan pentadbiran lain.
- Sekiranya waris memerlukan maklumat rawatan lengkap, permohonan perlu dibuat melalui Laporan Perubatan.